

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN (SUBANG)

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan:

- (a) tindak balas dan kedudukan Kerajaan terhadap laporan Panel Perubahan Iklim antara Kerajaan (IPCC) yang diterbitkan baru-baru ini; dan
- (b) adakah Malaysia perlu mengemas kini dan memperkukuhkan komitmennya terhadap Perjanjian Paris.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara umumnya, Malaysia mengalu-alukan hasil laporan Kumpulan Kerja 1 (*Working Group 1*) kepada *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) mengenai Sains Fizikal Perubahan Iklim (*Physical Science Basis of Climate Change*). Delegasi Malaysia telah mengikuti persidangan IPCC ke-54 secara dalam talian dari 26 Julai sehingga 6 Ogos 2021 bagi menilai hasil laporan tersebut. Laporan ini akan menyumbang kepada penyediaan laporan *IPCC The Sixth Assessment Report* (IPCC AR-6) yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2022. Laporan Kumpulan Kerja 1 IPCC tersebut akan menjadi salah satu input penting bagi menyokong pelaksanaan agenda perubahan iklim negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mengintegrasikan hasil penemuan sains fizikal perubahan iklim laporan tersebut ke dalam proses pembangunan dasar dan pelan pembangunan negara termasuk yang berkaitan dengan penyelidikan klimatologi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air telah mengikuti proses perbincangan bagi memuktamadkan penyediaan Laporan Penilaian ke-6 sejak tahun 2017. Ini adalah termasuk proses bagi memuktamadkan laporan khas IPCC (*IPCC Special Reports*) mengenai 1.5 darjah Celsius pemanasan global, ekosistem darat, dan ekosistem lautan.

(b)

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah mengemaskini komitmen pengurangan pelepasan GHG negara kepada Perjanjian Paris yang dikenali sebagai *Nationally Determined Contribution* (NDC). Proses mengemaskini NDC Malaysia kepada Perjanjian Paris telah bermula pada tahun 2020. NDC negara dikemaskini berdasarkan keputusan UNFCCC iaitu panduan yang

SOALAN NO : 14

dinamakan sebagai informasi untuk penjelasan lanjut, ketelusan dan kesefahaman *NDC (ICTU guidance)*.

Walaupun pandemik COVID-19 sedikit sebanyak mengganggu proses pengemaskinian NDC tersebut, namun kerajaan telah berjaya melengkapkan proses tersebut pada tahun 2021. NDC Malaysia yang dikemaskini telah dikemukakan kepada UNFCCC pada 30 Julai 2021 setelah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

Melalui NDC yang dikemaskini, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca yang merentas ekonomi sebanyak 45% (berdasarkan KDNK) pada tahun 2030 berbanding tahapnya pada tahun 2005. Sasaran NDC negara yang dikemaskini menyatakan komitmen yang lebih tinggi berbanding sasaran NDC sebelum ini atas justifikasi seperti berikut

- i. sasaran pengurangan 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca yang merentas ekonomi adalah dibuat tanpa syarat (*unconditional*). Ini bermaksud Malaysia akan mencapai sasaran tersebut dengan keupayaan dan kemampuan sendiri;
- ii. sasaran NDC negara yang dikemaskini juga adalah 10% lebih tinggi daripada sasaran sebelum ini, iaitu 35%;
- iii. peluasan skop gas rumah kaca di dalam NDC negara yang dikemaskini adalah merangkumi tujuh jenis gas rumah kaca berbanding tiga jenis gas rumah kaca sahaja sebelum ini (2016); dan
- iv. pencapaian sasaran NDC negara yang dikemaskini adalah tertumpu kepada tindakan mitigasi pelepasan GHG dalam negara dan tidak melibatkan pembelian kredit karbon antarabangsa.

Selaras dengan keputusan UNFCCC, Malaysia juga akan mengemaskini sasaran NDC tersebut pada tahun 2025 kelak.

Sekian, terima kasih.